

03 JAN 2003

Daim-Jarjis

DAIM HARAP MENTERI KEWANGAN KEDUA YANG BARU BERTUGAS DENGAN BAIK

SUNGAI PETANI, 3 Jan (Bernama) -- Bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin merakamkan tahniah di atas pelantikan Datuk Dr Jamaluddin Jarjis sebagai Menteri Kewangan Kedua yang baru dan percaya menteri itu dapat menjalankan tugasnya dengan baik.

"Harapan saya semoga dia bertugas dengan baik dan percaya dia dapat menjalankan tugasnya itu," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas pelantikan bekas pengerusi Tenaga Nasional Berhad itu, semasa menghadiri majlis sambutan hari raya di Batu Hampar, Merbok dekat sini, hari ini.

Ketika ditanya pandangannya mengenai pelantikan itu, Daim menjelaskan beliau tidak mempunyai sebarang pandangan tentang itu.

"Itu kena tanya Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad), sebab dia yang lantik," katanya lagi.

Daim menjelaskan, Dr Jamaluddin bukannya merupakan penggantinya kerana selepas beliau melepaskan jawatan sebagai Menteri Kewangan, Dr Mahathir yang menjawatnya.

"Lagipun saya baru pulang dari luar negara dan tidak ada peluang bertemu Dr Jamaluddin untuk dia mendapat sedikit pandangan dari saya tentang jawatannya itu," katanya.

Daim pernah dua kali dilantik sebagai Menteri Kewangan pada tahun 1984 dan 1998, tetapi melepaskan jawatan itu pada tahun 1999.

Sejak melepaskan jawatannya sebagai menteri Kewangan Daim dikatakan sering berulang-alik ke luar negara seperti Eropah dan Afrika.

-- BERNAMA

MNH ZB